

## Kes penipuan perniagaan dalam talian catat aduan tertinggi

**Putrajaya:** Kes penipuan perniagaan dalam talian semakin membimbangkan dan menduduki tempat pertama carta aduan diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata tahun ini, pihaknya menerima 2,500 aduan pengguna dengan 26.2 peratus daripadanya aduan penipuan perniagaan dalam talian.

"Biasanya, kedudukan carta aduan pengguna di monopoli kes kenaikan harga barang, namun bermula bulan lalu, situasi berubah dengan aduan mengenai penipuan perniagaan paling tinggi.

"Justeru, saya melihat perlindungan kepada pengguna untuk sebarang urusan dengan peniaga dalam talian perlu diberi keutamaan ketika ini," katanya selepas pelancaran aplikasi perkhidmatan digital, MyPay di sini, semalam.


Beliau berkata, sektor perniagaan dalam talian semakin berkembang dan jika masalah ini tidak dibendung, ia akan menjayakan hasrat kerajaan merancakkan bidang ekonomi digital.

"Bagi membendung masalah ini, kementerian meningkatkan penguatkuasaan, selain turut memperkenalkan BizTrust bagi mendaftar setiap syarikat menjalankan perniagaan dalam talian.

"Sehingga kini, 3,000 syarikat sudah berdaftar dengan BizTrust. Kita sasarkan lebih banyak syarikat membuat pendaftaran kerana mereka mendapat pelbagai manfaat berguna," katanya.

Selain itu, katanya, secara dasarnya, segmen perniagaan dalam talian menjanjikan keselesaan kepada peniaga dan pembeli, namun berlaku pelanggaran etika oleh peniaga sehingga menyebabkan pengguna membuat aduan.

"Ada pelbagai aduan diterima, antaranya pengguna mendapat barang berlainan daripada dibeli, barang rosak, tempahan tidak sampai dan masalah lain," katanya.

 **Bagi bendung masalah ini, kementerian tingkatkan penguatkuasaan, selain perkenalkan BizTrust bagi mendaftar setiap syarikat jalankan perniagaan dalam talian.**

**Saifuddin Nasution Ismail,**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna